



MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

BULETIN ASASI

Universiti Awam

BILANGAN 1 TAHUN 2021



Sekapur Sireh

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, Buletin Asasi Universiti Awam ini dapat diterbitkan buat kali pertama. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua ahli sidang redaksi buletin yang terdiri daripada wakil-wakil Pusat Asasi dan Matrikulasi Universiti Awam seluruh Malaysia atas kerjasama yang baik dalam melahirkan penerbitan ini.



Untuk makluman semua, tujuan penerbitan Buletin Asasi Universiti Awam ini adalah untuk kita sama-sama kongsikan berita-berita menarik dan perkembangan pelajar di kampus masing-masing. Dengan cara ini, saya percaya kita dapat mempromosikan kampus kita dan menarik minat bakal-bakal pelajar yang akan menempuh alam baharu di peringkat pengajian tinggi.

Diharapkan dengan penerbitan pertama buletin ini dapat meninggalkan nostalgia yang bermakna buat seluruh pembaca. Semoga penghasilan buletin ini dapat diteruskan dan seterusnya memberi impak positif kepada semua.

Terima kasih.

YBhg. Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah
Penggerusi

Ketua Editor
Rozi Hanum Shaharudin

Editor
Fadhlina Che Arshad
Nurul Liya Saffura Rostam

Penyelaras Maklumat
Nur Shazwani Shariffudin
Noorunnisa Shafuddin
Maybelline Goh Boon Ling
Mehawati Mohd Yunus

Sidang Redaksi

Penyelaras Maklumat

Norzaura Abd Rahman
Mohd Muzammir Firdaus Abu Bakar
Norffah Bachok
Che Zailawati Abdul Ghani
Mohamad Hazwan Abdul Rahman
Ahmad Muaz Zakaria
Hazlinda Othman
Rosliza Arifin
Tengku Elmi Azlina Tengku Muda



MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM

Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam

PENGERUSI



Profesor Dr Saifollah Haji Abdullah
Pengarah Pusat Asasi
Universiti Teknologi MARA



TIMBALAN PENGERUSI
Profesor Madya Dr. Laili Haji Che Rose
Pusat Asasi STEM
Universiti Malaysia Terengganu



Profesor Dr. Ibrahim Mohamed
Pengarah Pusat Asasi Sains
Universiti Malaya



Profesor Madya Dr. Rorlinda Yusof
Pengarah Pusat ASASI Pintar
Universiti Kebangsaan Malaysia



Profesor Madya Dr. Marina Mohd Top
@ Mohd. Tah
Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian
Universiti Putra Malaysia



Tuan Haji Murshid Kassim
Dekan Pusat Asasi
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



Profesor Madya ChM. Dr. Juliana Jumal
Pengarah Pusat Tahmidi USIM
Universiti Sains Islam Malaysia



Profesor Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed
Saadun Tarek Wafa
Pengarah Pusat Asasi Sains & Perubatan
Universiti Sultan Zainal Abidin



Profesor Madya Dr. Muna Bt Sabri
Pengarah Pusat Pengajaran Pra -Universitii
Universiti Malaysia Sarawak



Profesor Dr. Munif Zariruddin Fikri Nordin
Pengarah Pusat Asasi Pengurusan
Universiti Utara Malaysia



Profesor Madya Dr. Jumat Sulaiman
Pengarah Pusat Persediaan Sains &
Teknologi
Universiti Malaysia Sabah



Profesor Madya Ts. Dr. Norhana Abdul Halim
Pengarah Pusat Asasi Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia



Dr. Rosnarizah Abdul Halim
Pengarah Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia

PUSAT ASASI UiTM

SOFT LAUNCH ASASI OPEN DAY 27 MAC 2021

Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Soft Launch Pusat Asasi UiTM Virtual Open Day 2021 telah berjaya diadakan pada 27 Mac 2021 yang dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah melalui saluran Youtube dan Facebook Pusat Asasi UiTM.



Program ini diadakan bagi memberikan maklumat yang tepat kepada pelajar lepasan SPM 2020 dan orang awam berhubung peluang pengajian di peringkat asasi di Pusat Asasi UiTM. Menurut Pengarah Pusat Asasi UiTM, Profesor Dr. Saifollah Haji Abdullah, "Virtual Open Day" merupakan satu inisiatif agar dapat memberi penerangan secara eksklusif mengenai program-program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM - #wherethebrightfuturesbegin".

Pusat Asasi UiTM merupakan satu-satunya pusat asasi yang menawarkan program Plus Tahfiz bagi membuka peluang kepada pelajar lepasan tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang profesional melalui Asasi UiTM tanpa meninggalkan hafalan Al-Quran.

GRAND OPEN DAY PUSAT ASASI UiTM 11 - 12 JUN 2021

Anjuran : Jawatankuasa Misi Akademik

Jawatankuasa Misi Akademik Pusat Asasi UiTM telah menganjurkan program Grand Open Day Pusat Asasi UiTM 2021 pada 11 dan 12 Jun 2021 yang telah berlangsung secara maya menggunakan medium Google Meet, YouTube dan Facebook Rasmi Pusat Asasi UiTM. Program ini bertujuan untuk memberikan maklumat serta mempromosikan program-program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM khususnya kepada para pelajar lepasan SPM.



Secara keseluruhannya, program Grand Open Day Pusat Asasi UiTM 2021 telah mendapat jumlah tontonan sekitar 4700 penonton di Youtube Pusat Asasi UiTM dan sekurang-kurangnya 250 peserta telah mendapatkan khidmat nasihat berkenaan program yang ditawarkan di Pusat Asasi UiTM melalui Sesi Konsultasi. Maklumbalas yang diterima daripada peserta adalah sangat baik dan positif dimana 96% menyatakan bahawa sesi konsultasi yang diberikan menambah keyakinan untuk menjadikan Pusat Asasi UiTM sebagai pilihan pertama UPU.



PUSAT ASASI UiTM

INTERNATIONAL CONFERENCE ON RESEARCH & PRACTICES IN SCIENCE, TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES (I-CReST 2021)

26 JUN 2021

Anjuran : Pusat Asasi UiTM



Penganjuran I-CReST 2021 yang bertemakan 'Embracing Research Culture and Fostering Academic Excellence' telah berjaya mengumpul sebanyak 160 penyertaan daripada dalam dan luar negara seperti dari negara Brunei, Indonesia, Morocco dan Mesir. I-CReST 2021 disertai oleh ahli akademik, pelajar pascasiswazah, ahli profesional dan industri bagi membentangkan hasil penyelidikan dan melebarkan perkongsian ilmu dalam berkaitan Sains, Teknologi dan Sains Sosial.

Persidangan akademik ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan pengalaman kepada semua peserta dan dapat mewujudkan kolaborasi antara peserta dengan universiti luar serta industri.

Persidangan akademik tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UiTM. Selain itu, turut menyampaikan ucaptama pada persidangan akademik tersebut adalah Profesor Datuk Dr. Halimaton Hamdan (Universiti Teknologi MARA), YBhg. Profesor Dr. Tetsuo Soga (Nagoya Institute of Technology Japan) dan YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu A.Aziz (Penyandang Kursi Raja-Raja Melayu) serta 20 orang penceramah jemputan dari universiti-universiti dalam dan luar negara.



PUSAT ASASI UiTM

PERKARA 153 PERLEMBAGAAN MALAYSIA : PERANAN & TANGGUNGJAWAB MAHASISWA UiTM 23 FEBRUARI 2021

Anjuran : Babagian Hal Ehwal Pelajar

Bual Bicara Perkara 153 Perlembagaan Malaysia : Peranan & Tanggungjawab Mahasiswa UiTM ini telah diadakan secara langung melalui saluran Youtube Pusat Asasi UiTM dengan jemputan khas, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Abd Aziz, Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu.



Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kepentingan Perkara 153 Perlembagaan Malaysia kepada kaum Bumiputera. Perkara 153 ini amatlah penting kepada generasi muda yang bakal mendokong negara pada masa akan datang agar memahami dan menghayati setiap kandungan yang termeterai dalam Perkara 153 Pelembagaan Malaysia.

Program ini telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar. Dimana program ini telah memberi pendedahan mengenai corak kepimpinan dan kepentingan Raja-Raja Melayu dalam mewujudkan kesentosaan dan kesejahteraan negara di kalangan rakyat pelbagai bangsa.

Bual Bicara
Perkara 153 Perlembagaan Malaysia
"Peranan & Tanggungjawab Mahasiswa UiTM"

23 Februari 2021 (Selasa) Jam : 10.00 Pagi
YouTube Pusat Asasi UiTM

Jemputan Khas :
YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz
Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu

Anjuran : Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pusat Asasi
Dengan kerjasama Unit Undang-Undang

Menyerlahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan




PUSAT ASASI UiTM

EKSPO MAYA SELANGKAH KE UiTM 2021 13 & 14 JUN 2021

Ekspo Maya Selangkah ke UiTM 2021 anjuran Jabatan Komunikasi Korporat dengan kerjasama Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) UiTM telah berlangsung pada 13 dan 14 Jun 2021 dan dirasmikan oleh Profesor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor (Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa) di laman Youtube rasmi UiTM.



Di peringkat Pusat Asasi UiTM, para pengunjung dapat mengetahui maklumat berkenaan dengan program-program pengajian yang ditawarkan menerusi laman Youtube rasmi UiTM. Hampir 1600 jumlah tontonan diraih sepanjang dua hari ekspos berlangsung.



Calon pelajar berpeluang mendapatkan maklumat lanjut berkaitan dengan kampus, proses pembelajaran, hal-hal kolej dan sebagainya melalui sesi konsultasi secara maya bersama-sama dengan konsultan akademik yang terdiri daripada 130 orang kakitangan akademik dan pengurusan Pusat Asasi UiTM.



Seramai lebih kurang 200 orang calon pelajar telah menyertai sesi konsultasi tersebut. Diharapkan agar usaha murni ini dapat membuka mata dan menarik minat para pelajar seterusnya meletakkan Pusat Asasi UiTM sebagai pilihan utama UPU.

e-SULAM INNOVATION PROJECT



Pada Mac 2021, Pusat Asasi UiTM telah berjaya menghantar sebanyak 235 penyertaan bagi pertandingan e-Sulam Innovate anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Para pelajar daripada program Sains dan Kejuruteraan telah menghasilkan video yang berkaitan dengan aktiviti khidmat masyarakat yang mereka jalankan kepada pelajar atau rakan sebaya atau komuniti setempat.



Satu projek yang diketuai oleh Muhammad Safazatul di bawah seliaan Cik Bazrina Ramly bertajuk "Counselling Awareness" telah berjaya terpilih menjadi salah satu daripada 10 finalis projek ke peringkat kebangsaan. Projek ini merupakan sebahagian dari tugas untuk subjek ELC 081 (English for Foundation Studies II) yang memerlukan pelajar menjalankan program khidmat masyarakat yang memberi manfaat kepada komuniti.

PASTEM UMT

MINGGU PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2021 (MPI21)

28 FEBRUARI - 6 MAC 2021

Minggu Penyelidikan Inovasi (MPI) adalah satu program tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sejak tahun 2011 lagi. Dahulunya MPI ini dikenali sebagai INOVASI@UMT. MPI21 adalah program kolaborasi antara UMT, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kolej Universiti TATI (TATIUC). Penganjuran MPI21 ini adalah kerjasama kali ketiga antara UMT, UniSZA dan TATIUC yang telah dimulakan sejak tahun 2017 lagi.

Program MPI21 ini memfokuskan kepada pertandingan produk inovasi di kalangan penyelidik dan pelajar Universiti Awam (UA), Universiti Swasta (US), Politeknik dan Kolej Komuniti, serta pelajar Sekolah Rendah dan Menengah sekitar Daerah Kuala Terengganu serta masyarakat tempatan Terengganu sendiri.

Dalam Edisi kali ini, Pusat Asasi STEM (PASTEM) UMT telah berjaya merangkul dua(2) Pingat Emas melalui projek “*Introduction to Eco-Friendly Banana Based Eraser*” dan “*Spinach Based Popeye Chips as a Healthy Snack*” dimana kedua-dua projek ini adalah di bawah seliaan Dr. Noraifaa Abdullah Sani, Pensyarah Biologi di PASTEM.



Pihak PASTEM amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh Dr. Noraifaa dan pasukannya. Diharapkan pada Edisi yang akan datang lebih banyak lagi kejayaan yang bakal dicapai oleh pasukan lain daripada PASTEM.

Syabas diucapkan!

PASTEM UMT

MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2021 (MTE 2021)

2 - 26 MAC 2021

PUTRA WORLD TRADE CENTRE (ATAS TALIAN)



Satu pertandingan yang bertemakan aplikasi teknologi iaitu Malaysia Technology Expo 2021 (MTE 2021) telah berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC) secara virtual .

Dalam Edisi kali ini, Pusat Asasi STEM (PASTEM) Universiti Malaysia Terengganu telah menghantar sebanyak 3 penyertaan yang terdiri daripada pelajar-pelajar bersama pensyarah yang bertindak sebagai Penyelia dengan mempertaruhkan 3 projek inovasi masing-masing.

Bahang debaran di sepanjang tempoh Penjurian Ekspo ini amat membara kerana proses Penjurian dilakukan secara dalam talian oleh wakil-wakil daripada pihak Industri sendiri dimana Juri akan menghubungi para peserta melalui telefon sekiranya mereka memerlukan penjelasan lanjut tentang projek tersebut. Syukur kepada Ilahi kerana setiap soalan dan kemosykilan yang diajukan dapat di jawab dengan tuntas.



Benarlah kata Pepatah ‘tuah ayam nampk di kaki, tuah orang tiada siapa yang tahu’, kesemua penyertaan daripada PASTEM telah melakar kejayaan dimana 2 projek daripada pasukan PASTEM telah membawa pulang Pingat Emas melalui projek “Solar Cell Using Waste Fruit Product” dan “Multifunzione Desk” serta 1 Pingat Perak melalui projek “Kyoore Cools: Natural Cooling Patch”. Kejayaan ini telah menjadi inspirasi kepada rakan-rakan pelajar yang lain.

Dengan 3 kejayaan ini, PASTEM percaya kombinasi bakat yang ada pada pelajar serta bimbingan daripada pensyarah adalah 1 formula yang ampuh dalam mencungkil potensi sebenar pelajar tersebut dalam bidang Teknologi.

Sekalung Tahniah diucapkan kepada warga PASTEM!

PASTEM UMT

PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI (PIITRAM) 7,8,9, & 15 MAC 2021 ATAS TALIAN (CISCO WEBEX)

Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam telah bersetuju untuk menjadikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai penganjur Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM) bagi tahun 2021 dengan diwakilil oleh Pusat Asasi STEM (PASTEM), UMT, bekerjasama dengan Pusat Asasi Sains dan Perubatan (PUSPA), UniSZA sebagai penganjur bersama untuk pertandingan ini.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan dengan 368 penyertaan yang terdiri daripada pelajar-pelajar, warga akademik dan pengurusan dari pusat asasi Universiti Awam (UA) dan kolej-kolej matrikulasi seluruh negara.





Pada Edisi kali ini, pihak PASTEM telah berjaya membawa pulang 9 Emas, 8 Perak dan 4 Gangsa, di samping turut memenangi 2 Anugerah Poster Terbaik (Akademik dan Pengurusan) serta 1 Anugerah Inovasi Terbaik (Pengurusan) masing-masing dengan Tajuk “Pendaftaran Pelajar : Touch heart vs. Touch n Go” dan “The New Norm : Bioranch-One Stop Gamification in Biology Subject to Instill Student’s Interest.”

Sekalung Tahniah diucapkan kepada warga PASTEM!



ASASI UMS

NORMA BAHARU DI PUSAT PERSEDIAAN SAINS DAN TEKNOLOGI (PPST)



Sejak Mac 2020, Lanskap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di PPST mula bertukar warna. Pasca pandemik menuntut bidang akademik mahupun bukan akademik bergerak selagu dengan keadaan semasa. PPST bertatih mengorak langkah mendepani cabaran norma baharu ini. Para akademik mempersiapkan gerak kerja pertukaran mod daripada Work from Office (WFO) kepada Work from Home (WFH).

Peperiksaan Atas Talian

Antara cabaran kecil yang menjadi debaran pihak pensyarah adalah buat pertama kalinya mengadakan peperiksaan atas talian bersama pelajar. Kelangsungan daripada peperiksaan ini, PPST sempat dikejutkan dengan berita Veveonah Mosibin iaitu salah seorang pelajar PPST yang menjadi tular di media sosial. Pun begitu, Veveonah Mosibin hanyalah salah satu sampel daripada ratusan pelajar yang menduduki peperiksaan pada masa tersebut. Ini merupakan bukti kemandirian pelajar dalam menyelesaikan masalah pembelajaran. Menyorot cerita dibalik tabir pula, sekitar dua minggu sebelum peperiksaan, pihak akademik telah mengadakan bincian secara menyeluruh berkaitan masalah yang bakal dihadapi oleh pelajar. Mana-mana pelajar yang memiliki keterbatasan jaringan, masalah data dan beberapa limitasi disusulkan dengan beberapa penyelesaian. Kerjasama penuh yang diberikan antara PPST dan pelajar menjadikan sesi peperiksaan ini dapat dilaksanakan dengan baik.

Pertandingan Atas Talian

Acara kemuncak Karnival STEM tahunan PPST yang sepatutnya dijadualkan pada 25 Mac 2020 dibatalkan serta merta setelah jemputan puluhan sekolah di uar-uarkan seluruh sabah. Namun, pihak PPST tidak menjadikan pandemik menjadi satu alasan untuk tidak mempromosikan Pusat Asasi di UMS. Flyers digital diedarkan. Pertandingan Finalis Young Sci-Show (YSSC) dan Junior Inovator Competition (JIC) dipindahkan kepada Mod Atas Talian untuk pemilihan pemenang. Penjadualan baharu ditetapkan semula.

ASASI UMS

PROGRAM "SHARING IS CARING" : ASASI AGRISAINS 2021 22 - 26 FEBRUARI 2021

Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST) UMS telah mengadakan Program 'Sharing is Caring' : Asasi Agrisains 2020/2021. Program ini adalah anjuran khas untuk 27 orang pelajar Asasi Agrisains bertujuan untuk menjadi menaikkan minat dan semangat pembelajaran mereka dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan STEM iaitu Biologi, Fizik, Matematik, Kimia dan Bahasa Inggeris. Para pelajar memberikan komitmen penuh dengan rekod kehadiran 100%. 3 daripada mereka menghadirkan diri secara talian dengan penglibatan 8 orang kakitangan akademik dan pentadbiran.

Tiga objektif utama Program ini adalah untuk memberikan peluang kepada pelajar membuat dan menjawab latihan tutorial dengan bimbingan secara langsung daripada pensyarah kursus. Selain itu, program ini bertujuan untuk mendedahkan teknik menjawab soalan peperiksaan yang baik dan betul kepada para

pelajar seterusnya memupuk minat dan kesedaran bahawa sains adalah menyeronokkan dan sangat memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan.

Modul pertama program dimulakan dengan aktiviti Spelling Bee oleh pelajar dan diikuti dengan Tips to Score in Physics pada sebelah petang. Modul hari kedua program adalah khas untuk kursus Kimia iaitu 'Tips Menjawab Soalan Kimia' pada sebelah pagi diikuti dengan aktiviti Ujikaji Makmal : Analisis tanah bersama Cik Nur Hazwani Bte Dahon pada sebelah petang. Pada hari ketiga, pelajar mengikuti modul untuk menjawab soalan Matematik bersama Cik Suriana Bte Lasaraiya serta aktiviti Team Building yang bertemakan 'Fibonacci Numbers' pada sebelah petang. Hari berikutnya, pelajar mengikuti modul kursus Biologi bersama Dr. Sitty Nur Syafa Bte bakri bagi mengenal pasti kata kunci penting dalam silibus Biologi serta hubungkait masalah Biologi dan penyelesaiannya.


Aktiviti debat merupakan acara kemuncak bagi mengakhiri program ini. Para pelajar buat pertama kalinya didedahkan dengan aktiviti sebegini. Menariknya, isu yang diketengahkan dalam pertandingan debat ini adalah isu asas dalam pertanian yang berkait rapat dengan program agrisains mereka. Secara tidak langsung, membuka minda mereka terhadap bidang pengajian dan kerjaya di masa hadapan. Perasmian dan penutupan program pada sebelah petang yang dirasmikan sendiri oleh Pengarah PPST, Profesor Madya Dr. Jumat Bin Sulaiman sekaligus memberikan hadiah kepada para pemenang. Pihak PPST sangat berharap agar penganjuran program ini sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat yang tinggi di kalangan pelajar Asasi Agrisains untuk terus bermotivasi dalam pembelajaran mereka.



ASASI UMS

BENGKEL MUET EXCELERATE 6 & 20 FEBRUARI 2021

Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada format dan contoh-contoh soalan bagi Reading, Writing, Speaking dan Listening seperti kertas MUET yang sebenar sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan MUET Sesi 1 2021. Selain itu, bengkel ini diharap dapat memberi pendedahan tentang teknik menjawab soalan dengan betul, seterusnya memberi peluang untuk membuat latihan secara 'hands –on' dengan bimbingan daripada fasilitator bengkel sendiri secara atas talian.



Walaupun berdepan dengan cabaran dalam norma baharu, namun PPST tetap komited dalam menjayakan bengkel ini yang sememangnya merupakan acara tahunan. Bengkel kali ini telah dijalankan melalui platform Webex. Seramai 431 orang pelajar PPST dan 33 peserta luar terlibat dalam perkongsian ini. Bengkel kali ini amatlah signifikan kerana pelaksanaan format baharu MUET bakal berjalan pada awal tahun ini. Format baharu ini melibatkan spesifikasi ujian dan skema pemarkahan. Oleh yang demikian, info daripada pihak yang terlibat dalam pelaksanaan tersebut adalah penting dan bermakna kepada calon peperiksaan.

PPST berharap agar bengkel seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang agar dapat meningkatkan kadar penyertaan para pelajar dan menghasilkan perkongsian yang lebih bermutu.

MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST

PPPU UNIMAS

PIITRAM 2021

28 FEBRUARI - 3 MAC 2021

Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU), Universiti Malaysia Sarawak telah turut serta dalam Karnival Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi atau dikenali dengan nama PIITRAM 2021. Pertandingan ini, dianjurkan oleh Pusat Asasi STEM Universiti Malaysia Terengganu dengan kerjasama Pusat Asasi Sains dan Perubatan, Universiti Sultan Zainal Abidin. Objektif utama PIITRAM 2021 adalah menyediakan platform kepada warga Asasi dan Matrikulasi di seluruh Malaysia untuk mengetengahkan dan berkongsi idea inovasi bagi tujuan meningkatkan kualiti dan produktiviti. Tema PIITRAM 2021 ini adalah STEM PLUS yang menggabungkan idea inovasi bukan sahaja terhad dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik malah turut meluaskan skop dalam bidang lain, seperti Bahasa, Seni, Perniagaan dan Ekonomi.



PPPU telah menghantar 13 penyertaan dalam kategori Ahli Akademik (7 penyertaan), Pentadbir (4 penyertaan) dan Pelajar (2 penyertaan). Pada 15 Mac 2021, majlis perasmian penutupan telah diadakan dan pemenang-pemenang bagi setiap kategori telah diumumkan. PPPU berjaya merangkul 4 Pingat Emas, 5 Pingat Perak dan 4 Pingat Gangsa. Tahniah diucapkan kepada semua peserta PPPU atas kemenangan tersebut.

KEJOHANAN SUKAN ASASI MALAYSIA (SAM) 2021:

MLBB & PUBGM

20 - 21 MAC 2021

Sudah semestinya, kemenangan memang sukar untuk dicapai. Namun, juara Kejohanan Sukan Asasi Malaysia ke-4 bagi acara Mobile Legends: Bang Bang telah berjaya dirangkul oleh pasukan UNIMAS Roffopride. Kejohanan bagi kategori ini telah disertai 32 pasukan daripada pelbagai institusi pra-universiti Malaysia termasuklah kolej-kolej Matrikulasi. Bagi UNIMAS Roffopride, prestasi yang amat cemerlang telah ditonjolkan di pusingan playoff, terutamanya di babak akhir, sehingga berjaya merangkul kemenangan di kejohanan tersebut. Para pemain telah memaparkan kebolehan dan kecekapan kemahiran teknikal permainan dalam pertandingan, membuktikan pasukan ini telah datang dengan mentaliti untuk menang dan kalah bukanlah pilihan.

Pada hujung minggu berikutnya, kejohanan e-sukan kategori Player's Unknown Battleground Mobile telah dilangsungkan pada 27 dan 28 Mac 2021. Pasukan yang mewakili Matrikulasi Malaysia iaitu MSMM C WAFAM telah berjaya merangkul gelaran juara selepas menundukkan hampir 40 pasukan lain yang turut serta dalam kejohanan tersebut. Prestasi pasukan MSMM amat memberangsangkan, dan wakil daripada Pusat Pengajian Pra-Universiti UNIMAS iaitu pasukan UNIMAS Roffo Rangers terpaksa berpuas hati sekadar melayakkan diri ke pusingan akhir kejohanan kategori ini.

PPPU UNIMAS

PROJEK TANAMAN JAGUNG ASASI UNIMAS

Projek tanaman jagung ini dimulakan sejak tahun 2018 dan di bawah kendalian subjek Nilai-Nilai Sejagat PRS1032. Objektif utama projek ini adalah untuk memupuk nilai-nilai positif dalam diri pelajar dan menerapkan nilai ketangungjawaban semasa menjalankan projek tanaman jagung ini. Pelajar asasi UNIMAS telah dibahagikan kepada dua kumpulan yang utama iaitu pelajar aliran Sains Fizikal yang memulakan projek tanaman pada semester 2 dan pelajar aliran Sains Hayat memulakan kerja pada semester 1.

Pelajar dibahagikan kepada 10 kumpulan utama dan setiap kumpulan utama dibahagikan kepada 4 subkumpulan yang dianggotai sekitar 30 orang pelajar. Setiap kumpulan akan dipantau oleh seorang fasilitator yang dilantik dalam kalangan pembantu makmal dan pegawai sains.



Seorang pensyarah telah ditugaskan untuk memantau perjalanan projek ini agar berjalan mengikut ketetapan pihak pengurusan asasi UNIMAS. Projek tanaman ini bermula apabila pelajar mula menyemai benih pada bulan pertama. Kemudian diikuti dengan memindahkan ke plot tanaman mengikut subkumpulan masing-masing. Pada bulan kedua, pelajar akan mula membersihkan rumput sekitar plot tanaman dan fasa pembajaan juga dijalankan untuk meningkatkan kesuburan tanah dan seterusnya mendapatkan hasil tuaian buah yang lebih segar dan baik.

Bulan ketiga projek tanaman ini menyaksikan pohon jagung akan dituai selepas 70 hari berlalu. Buah jagung ini dikupas dan dimasak secara gotong-royong mengikut kumpulan pelajar. Secara keseluruhan, pelajar asasi UNIMAS amat berpuas hati mengikuti projek tanaman jagung ini dan projek ini menampakkan hasil tuaian buah jagung yang segar selepas 3 bulan.

PUSPA UniSZA

BENGKEL JATI DIRI, PENGUKUHAN ROHANI DAN JASMANI 2 - 3 & 8 - 9 APRIL 2021

Persatuan Pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (FSAZA) telah mengadakan Bengkel Jati Diri, Pengukuhan Rohani dan Jasmani khas kepada pelajar program Asasi Sains dan Perubatan Sesi Akademik 2020/2021 bertempat di Kem Merang, UniSZA. Bengkel ini dikendalikan oleh dua orang fasilitator profesional yang berpengalaman iaitu Dr. Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Rekabentuk dan Inovasi UniSZA (Certified Trainer, Profesional Learning Facilitator dan Professional Grooming) dan Encik Ahmad Sofwat bin Osman daripada Qudwah Legacy Training Consultant. Majlis perasmian bengkel ini disempurnakan oleh Pengarah PUSPA, YBhg. Profesor Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa binti Syed Saadun Tarek Wafa.

Kesemua pelajar asasi iaitu seramai 136 orang telah menyertai bengkel ini dengan jayanya. Pengagihan ini dibuat hasil daripada saranan fasilitator supaya inti pati bengkel dapat disampaikan dengan lebih berkesan.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk membentuk sahsiah diri serta menjana kecemerlangan akademik pelajar selaras hasrat UniSZA melahirkan modal insan yang berkualiti. Ia juga bertujuan memastikan pelajar PUSPA menjadi individu yang bersemangat tinggi, mempunyai daya tahan yang kuat dan pemikiran yang kreatif serta berkeyakinan diri, melahirkan pelajar yang bijak menguruskan masa dan mampu menangani tekanan samada tekanan mental atau fizikal disamping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar asasi PUSPA.



Setiap slot bengkel ini mendapat perhatian penuh daripada para pelajar yang pada akhirnya mereka dibekalkan dengan teknik dan kaedah baru dalam menguruskan sesuatu perkara sama ada berkenaan dengan emosi atau pun fizikal. Melalui penganjuran bengkel ini, PUSPA percaya ianya dapat melahirkan pelajar yang berfikiran jauh, yang tidak hanya menunggu dan menerima maklumat di dalam kelas semata-mata, malah dapat mengambil inisiatif sendiri dan membuat keputusan yang positif dan relevan untuk jangka masa panjang selama bergelar seorang mahasiswa universiti mahupun setelah bergraduasi.



PUSPA UniSZA

MAJLIS KHATAM AL QURAN DAN 'IFTAR JAMAIE' PELAJAR ASASI SAINS DAN PERUBATAN UNISZA SESI AKADEMIK 2020/2021

6 MEI 2021

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan kerjasama Persatuan Pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (FSAZA) telah mengadakan Majlis Khatam Al Quran dan 'Iftar Jamaie' bersama dengan Program Penutup Hubbul Quran serta penganugerahan pelajar yang berjaya menamatkan 30 juzuk Al Quran yang diwajibkan kepada semua pelajar untuk bertadarus Al Quran pada setiap pagi sebelum memulakan kelas akademik mereka.



Majlis yang diadakan secara tertutup bertempat di Dewan Gemilang UniSZA berjalan mengikut SOP yang telah ditetapkan ini dihadiri oleh Wakil Dekan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Guru Tasmi' serta pensyarah jemputan dari Pusat Pengajian Teras, staf serta semua pelajar PUSPA.

Bersesuaian dengan majlis yang dijalankan dalam bulan Ramadhan, 'Ifthar Jamaie' turut diadakan bertujuan meraikan semua pelajar PUSPA berbuka puasa bersama-sama mentor, para pensyarah dan staf pentadbiran PUSPA agar dapat mengubat kerinduan terhadap keluarga masing-masing kerana tidak dapat pulang berpuasa bersama-sama dengan keluarga tercinta. Keterlibatan pelajar asasi UniSZA dalam majlis ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan ukhwah antara pelajar serta memperlihatkan satu budaya kerjasama dalam kalangan mereka.



Pengarah PUSPA, Profesor Madya Dr. Sharifah Wajihah Wafa binti Syed Saadun Tarek Wafa mengucapkan tahniah kepada semua pelajar kerana telah berjaya menamatkan 30 juzuk al Quran sejajar dengan hasrat PUSPA yang menginginkan pelajarnya menjadi insan yang seimbang dari segi akhirat dan dunia ni dan menjadikan al-Quran sebagai pendamping hidup serta ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis penuh bermakna ini. Majlis Perasmian Penutup pula telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), YBhg. Profesor Dr. Mohd Afandi bin Salleh.

PUSPA UniSZA

PROGRAM 3T (TEENS TUITION TEENS) KOMUNITI MISKIN BANDAR DUN LADANG 2 NOVEMBER 2020 - 28 JANUARI 2021

Program secara percuma ini berfokus kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Daerah Kuala Terengganu yang terdiri dari keluarga B40. Objektif pelaksanaan program adalah untuk memberi bimbingan akademik dan membantu meningkatkan semangat serta motivasi pelajar supaya mempunyai keterampilan akademik yang baik.



Seramai 40 orang pelajar daripada tiga buah sekolah iaitu SMK Panji Alam, SMK Seri Budiman dan SMK Padang Negara telah menyertai program yang diadakan setiap Isnin dan Selasa bertempat di Fakulti Perubatan, UnisZA.



Program 3T ini dikendalikan oleh 20 orang fasilitator mahasiswa daripada Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dan Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP) yang mengajar subjek Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan, Matematik Moden dan Prinsip Akaun. Keterlibatan fasilitator mahasiswa ini secara tidak langsung dapat melatih fasilitator dalam menyampaikan ilmu berbentuk teori dan praktikal kepada pelajar sekolah menengah atas teras khidmat



komuniti disamping meningkatkan integrasi sosial dalam kalangan pelajar UniSZA terhadap golongan miskin bandar serta masyarakat yang kurang berkemampuan.

PUSPA UniSZA

PROGRAM HUBBUL QURAN BAGI PELAJAR PROGRAM ASASI SAINS DAN PERUBATAN SESI 2020/2021

15 OKTOBER 2020 - 6 MEI 2021

Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA (PUSPA) dengan Kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah mengadakan program Hubbul Quran kepada pelajar PUSPA Sesi Akademik 2020/2021 pada setiap hari Khamis bertempat di Dewan Ibnu Khaldun, Kolej Kediaman UniSZA.

Seramai 40 orang pelajar PUSPA yang menyertai program ini akan menghafaz tujuh surah pilihan iaitu Surah As Sajdah, Surah Yasin, Surah Ad Dukhan, Surah Ar Rahman, Surah Al Waqiah, Surah Al Mulk serta Surah Al Insan. Peserta program ini mendapat bimbingan daripada dua orang guru tasmi' yang bertauliah iaitu YBrs. Dr. Mohd A'ttarahim bin Mohd Razali dan YBrs. Dr. Aman Daima bin Md. Zain, pensyarah dari FKI. Pihak PUSPA juga melantik tiga orang Naqib/Naqibah yang terdiri dari pelajar PUSPA yang telah menghafaz 30 juzuk al-Quran semasa di peringkat sekolah menengah.

Tujuan program ini diadakan adalah sejajar dengan hasrat PUSPA yang menginginkan pelajarnya menjadi insan yang seimbang dari segi akhirat dan duniai supaya para pelajar dapat menjana kecemerlangan yang lebih berkualiti disamping dapat meneguhkan konsep amal dalam diri masing-masing. Selain itu, program ini dapat memantapkan lagi bacaan al-Quran serta melahirkan pelajar yang dapat menjadikan al-Quran sebagai pendamping hidup serta merupakan satu platform bagi mewujudkan bi'ah hasanah (suasana yang baik) dalam kalangan pelajar.



Pada penghujung program yang berlangsung selama 30 minggu ini, para peserta akan dinilai dan kepada pelajar lulus serta berjaya menghabiskan hafazan akan ditauliahkan oleh Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Sambutan yang diterima daripada pelajar amat menggalakkan, justeru itu PUSPA akan terus menganjurkan program Hubbul Quran ini kepada pelajar-pelajar sesi akademik yang datang.

ASPer UPM

SUNTIKAN MOTIVASI MENERUSI SLOT 35 MINIT BERSAMA PENGARAH ASPER 15 OKTOBER 2020 - 6 MEI 2021

Walaupun tidak dapat bersua muka secara fizikal, ianya tidak menghalang untuk memastikan keadaan pelajar dapat disapa. Secara amnya, platform dalam talian yang menjadi pilihan untuk berhubung dengan pelajar dalam keadaan terbatas pergerakan dan kedudukan lokasi yang jauh. Lantaran itu, Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian, Profesor Madya Dr. Marina binti Mohd Top @ Mohd. Tah telah mengambil inisiatif menyatuni pelajar Program Asasi Sains Pertanian menggunakan kaedah secara dalam talian ini. Memandangkan bilangan pelajar yang ramai, sesi ini telah dipecahkan kepada 20 sesi mengikut kumpulan kuliah masing-masing.

Program yang dinamakan Slot 35 Minit Bersama Pengarah ASPer ini telah diadakan dengan menggunakan platform Zoom Meeting. Selain sesi berkenalan dengan pengarah baru ASPer, peluang interaksi dua hala ini dijadikan sesi suntikan motivasi oleh Pengarah agar pelajar dapat terus memperbaiki pencapaian yang cemerlang dan seterusnya menamatkan program asasi dengan keputusan yang baik untuk membolehkan pelajar mendapat tawaran program sarjana yang dihajati. Selain itu, sesi ini juga merupakan pertemuan dua hala pertama antara pelajar dengan pengarah sebaik lantikan pengarah baharu bagi Pusat Asasi Sains Pertanian.

Pelantikan Profesor Madya Dr. Marina binti Mohd. Top @ Mohd. Tah sebagai Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian (ASPer), Universiti Putra Malaysia berkuatkuasa mulai 15 Disember 2020. Tahniah diucapkan atas pelantikan ini dan diharap akan terus cemerlang dalam menerajui kepimpinan pengurusan Pusat Asasi Sains Pertanian, UPM.

UPM UPM 50

SLOT 35 MINIT BERSAMA

PENGARAH

PUSAT ASASI SAINS PERTANIAN

YANG BERBAHAGIA PROF.MADYA

Dr. Marina Mohd. Top @ Mohd. Tah

TARIKH : 15 - 26 FEBRUARI 2021 | MASA : 9.00 MALAM

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

BERILMU BERBAKTI WITH KNOWLEDGE WE LEARN

ASPer UPM

BAKUL KASIH DAN SEMARAK KASIH ASPER INISIATIF CAKNA KEBAJIKAN PELAJAR

Apabila berjauhan dari keluarga terutama di bulan Ramadhan pasti sedikit sebanyak menjentik emosi, mula merindui saat berkumpul bersama keluarga bersama-sama menjalani ibadah puasa. Ini pasti dirasai oleh pelajar ASPer apabila mereka menyambut ketibaan Ramadhan di kolej kediaman kerana pelajar perlu pulang ke kampus untuk kesinambungan PdP dan menduduki komponen bertulis Malaysia University English Test (MUET).

Projek Bakul Kasih ASPer merupakan projek kerjasama Pusat Asasi Sains Pertanian dengan pihak Emraz Travel & Tours Sdn Bhd untuk mengumpul dana. Sumbangan menjayakan program ini turut diterima dari kalangan staf, orang perseorangan dan alumni. Bakul Kasih ASPer ini mengandungi kurma Sukari Tub Emraz, paket minuman 3 dalam 1 dan biskut. Tajaan makanan dari pihak McDonalds Malaysia turut diterima oleh pelajar pada hari berkenaan. Memang jelas terpancar kegembiraan seramai 775 orang pelajar yang menerima Bakul Kasih ASPer dan pastinya menjadi satu kepuasan buat jawatankuasa terlibat yang turut dihadiri oleh Profesor Madya Dr. Norfifah binti Bachok @ Lati, Timbalan Pengarah II (Hal Ehwal Pelajar & JINM). Semoga sedikit usaha ini, memberi 1001 manfaat buat semua pelajar.



Susulan projek ini, satu lagi projek dinamakan Semarak Kasih ASPer telah diadakan khusus buat 150 orang pelajar asnaf di kalangan pelajar Program Asasi Sains Pertanian sesi 2020/2021. Sumbangan telah diterima dari pihak luar seperti Pondok MS Beryani, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia dan MYK Engineering & Construction. Semua sumbangan wang tunai telah disampaikan oleh Pengarah, Pusat Asasi Sains Pertanian dan diharap sumbangan ini menjadi inspirasi kepada lebih banyak pihak industri untuk bekerjasama dengan pihak universiti bagi sama-sama membantu pelajar yang memerlukan.

ASPer UPM

ASPER PHYSICS EXHIBITION CUNGKIL POTENSI INOVASI PELAJAR ASPER 21 MEI 2021

Salah satu usaha untuk mempromosikan budaya penciptaan, penerokaan inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar Program Asasi Sains Pertanian (ASPer) adalah menerusi pengajuran ASPer Physics Exhibition (APEX). Selari dengan transformasi pendidikan kebangsaan yang kini memberi tumpuan kepada kepentingan pendidikan dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk melahirkan modal insan yang sangat mahir dan inovatif, lantaran itu APEX adalah platform bagi pelajar menyalurkan buah fikiran baru yang cemerlang berkaitan dengan ilmu Fizik terutamanya dalam konsep mekanik serta untuk menunjukkan ciptaan kreativiti mereka.

Objektif program ini adalah untuk memupuk budaya penciptaan, inovasi dan kreativiti di kalangan pelajar dalam bidang Fizik dan seterusnya dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap konsep Fizik itu sendiri. Seterusnya, iaanya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.



Pada peringkat saringan sebanyak 14 buah video kreatif telah dihasilkan oleh pelajar untuk dipertandingkan bagi merebut 5 tempat ke pusingan akhir. Kesemua 5 peserta perlu membuat pembentangan reka bentuk kreatif masing-masing di hadapan juri profesional yang terdiri dari Pensyarah Kanan Bidang Fizik, Pusat Asasi Sains Pertanian UPM dan seorang juri luar yang merupakan Pensyarah Kanan dari Fakulti Kejuruteraan Kelautan dan Informatik, UMT. Program ini dikendalikan oleh Pengajar Bidang Fizik, Pusat Asasi Sains Pertanian dan diharap menjadi aktiviti tahunan yang terus memberikan aspirasi kepada pelajar untuk meneroka bidang inovasi dan penyelidikan sehingga ke peringkat prasiswazah kelak.

Pemenang tempat pertama membawa pulang hadiah wang tunai RM500, tempat kedua hadiah wang tunai RM300 dan tempat ketiga hadiah wang tunai RM200 manakala tempat saguhati membawa pulang hadiah wang tunai RM50. Majlis penutupan APEX 2021 ini diadakan secara dalam talian dan dirasmikan oleh Pengarah Pusat Asasi Sains Pertanian, Profesor Madya Dr. Marina binti Mohd. Top @ Mohd. Tah.

ASPer UPM

PASUKAN INOVASI ASPER RAIH 4 EMAS DALAM PERTANDINGAN INOVASI INTER-ASASI MATRIKULASI 2021 7 MAC - 9 MAC 2021

Buat julung kalinya, Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi 2021 (PIITRAM 2021) telah dianjurkan oleh Pusat Asasi STEM, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama Pusat Asasi Sains dan Perubatan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program yang merupakan hasil kemauafakatan Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam (Asasi Coucil) telah diadakan secara dalam talian dan majlis penutup PIITRAM 2021 telah diadakan pada 14 Mac 2021. Keseluruhan program dilaksanakan secara dalam talian dari majlis perasmian, pembentangan sesi inovasi, penjurian serta majlis penutup yang nyata menjadi satu norma baharu dalam pertandingan inovasi.



Pusat Asasi Sains Pertanian, UPM telah menghantar dua penyertaan untuk kategori pelajar iaitu projek Electricity Bill Estimator yang diketuai oleh saudara Muhd. Farhan bin Abdul Rahman dan dipantau oleh Puan Nor Azah binti Aziz, Pensyarah Bidang Fizik manakala projek kedua Promoting Nanohybrid Mitragyna Speciosa (KRATON) as a Remedial in Wound Patch yang diketuai oleh saudara Kabilan A/L Yogeswaran dan dipantau oleh Dr. Siti Efliza binti Ashari, Pensyarah Kanan dari Bidang Kimia.

Selain itu, Pusat Asasi Sains Pertanian turut menghantar penyertaan dalam kategori pensyarah iaitu projek “Syoknya Agro” Camp: Agriculture Education Beyond the Classroom yang diketuai oleh En. Azham bin Mohamad, Pensyarah dari Bidang Pertanian dan projek kedua Illustrative Calculus for Beginners diketuai oleh Dr. Mohammad Hasan bin Abdul Sathar, Pensyarah Kanan Bidang Matematik.

Keempat-empat penyertaan telah menerima Pingat Emas mengikut kategori masing-masing. Bagi kategori pelajar, Pusat Asasi Sains Pertanian, UPM telah dianugerahkan antara 3 Poster Terbaik di bawah Projek Promoting Nanohybrid Mitragyna Speciosa (KRATON) as a Remedial in Wound Patch dan membawa pulang hadiah Robotics kit-Mbot robotics kit, Electronics kit-Arduino electronics kit dan Educational kit-Micro:bit electronic set yang merupakan tajaan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Profesor Madya Dr. Norfifah Bachok, Timbalan Pengarah II (Hal-Ehwal Pelajar & JINM), Pusat Asasi Sains Pertanian yang berperanan sebagai penasihat pasukan inovasi merakamkan penghargaan atas daya usaha pelajar dan pensyarah yang komited sepanjang fasa persediaan, penghasilan serta pembentangan projek masing-masing walau dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa di negeri Selangor. Kesukaran untuk berinteraksi dengan pasukan dan kekangan untuk melaksanakan eksperimen dalam makmal dijadikan satu cabaran dan akhirnya kemanisan yang dikehendaki apabila kesemua mereka berjaya menghadiahkan 4 Pingat Emas kepada UPM.

ASASI PENGURUSAN UUM

INTELLECTUAL DISCOURSE SERIES
27 JANUARI & 24 FEBRUARI 2021
FB LIVE/WEBEX



YOUTH LEADERSHIP CAMP
31 JANUARI - 2 FEBRUARI 2021
FB LIVE/WEBEX

Lima kaunselor pelatih Pusat Pengajian Pendidikan, UUM dengan kerjasama Pusat Asasi Pengurusan telah menganjurkan program Youth Leadership Camp selama tiga hari bermula pada 31 Januari 2020.



Program ini bertujuan menerapkan ilmu kepemimpinan dan pengurusan organisasi dalam kalangan ahli Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan UUM Sesi 2020/2021.

Pusat Asasi Pengurusan dengan kerjasama EXCO Akademik Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan telah menganjurkan dua siri Intellectual Discourse sebagai medium perkongsian dan percambahan ilmu dalam kalangan pelajar Program Asasi Pengurusan. Siri ini juga bertujuan merpertajamkan daya intelektual para pelajar.

Intellectual Discourse Series 1 yang bertajuk "IR 4.0: The Contemporary Challenges in Malaysia" telah disampaikan oleh Profesor Ts. Dr. Haji Suhaidi bin Hassan, profesor Pusat Pengajian Pengkomputeran, merangkap Penggerusi Majlis Profesor UUM. Intellectual Discourse Series 2 pula disampaikan oleh Prof. Dr. Muhammad Fuad Othman, profesor Pusat Pengajian Antarabangsa, UUM dengan tajuk "Wajarkah Umur 18 Tahun Diberikan Hak Mengundi?".

Kedua-dua program tersebut berlangsung dengan jayanya menerusi platform Webex dan FB live.

Antara slot menarik dalam program yang dijalankan sepenuhnya menerusi Webex dan FB Live ini ialah slot 'Inspiring Stories' bersama dua orang alumni Program Asasi Pengurusan UUM yang telah berjaya menerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen ke-32 dan ke-33 UUM.

ASASI PENGURUSAN UUM

"TAKE THE PAIN, TAKE THE FEAR"


3 MAC 2021

FB LIVE/WEBEX

Program Mental Health Awareness bertemakan *Take the Pain, Take the Fear* anjuran Biro Kebajikan Persatuan Pelajar Asasi Pengurusan dengan kerjasama Pusat Kaunseling UUM telah berlangsung dengan jayanya menerusi platform Webex dan FB live.

Antara pengisian program ialah taklimat yang disampaikan oleh Puan Faezah Nayan, Pegawai Psikologi Kanan, Pusat Kaunseling HEP. Beliau berkongsi tips untuk mengenal pasti simptom penyakit mental dan cara mengawal gangguan emosi tersebut. Kecelaruan mental, seperti kemurungan, kegelisahan, bipolar dan skizofrenia boleh dirawat dengan baik jika tanda dan gejala yang dikaitkan dengan setiap penyakit tersebut dapat dikesan lebih awal.

Peserta juga diberikan peluang untuk berinteraksi dengan *mental illness survivor* bagi mengelakkan stigma dan diskriminasi terhadap pesakit mental.



ANDA, KAMI CEMERLANGKAN!

4 MAC 2021

FB LIVE

Program Biskut Kering, Kopi O Anda, Kami Cemerlangkan! bersama Pusat Asasi Pengurusan (PAP) telah berlangsung di Manager's Coffee, UUM dan disiarkan secara langsung di halaman facebook rasmi UUM. Slot promosi berbentuk forum ini menampilkan ahli panel yang terdiri daripada Pengarah PAP, Timbalan Pengarah (Akademik), Timbalan Pengarah (Pembangunan Pelajar) dan panel jemputan khas. Para penonton bukan sahaja diberikan penerangan berkaitan Program Asasi Pengurusan, malah diberikan peluang untuk mendengar perkongsian menarik daripada pelajar, waris dan alumni. Program ini diserikan dengan persembahan nyanyian secara langsung oleh dua orang pelajar PAP.



ASASI PENGURUSAN UUM

PERTANDINGAN DEBAT INTER ASASI UNIVERSITI AWAM 2021

9 MAC 2021

FB LIVE USIM

Tahniah diucapkan kepada pasukan Debat Bahasa Melayu PAP UUM B yang diketuai oleh saudara Syamirul Aiman atas kejayaan sebagai Semi Finalis (tempat ketiga) dalam Pertandingan Debat Inter asasi Universiti Awam 2021 yang membawa pulang RM500 dan sijil penghargaan. Pasukan Debat BM PAP UUM A yang diketuai oleh saudari Alia Natasha pula berjaya melangkah ke Suku Akhir.



Dalam pertandingan tersebut, saudara Aiman Hassan, saudara Syamirul Aiman, saudari Amira Aqila dan saudari Alia Natasha telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik semasa sesi pusingan debat berlangsung.

Pasukan debat ini mendapat bimbingan dua jurulatih SELECT yang juga merupakan pendebat UUM berpengalaman.

PRE-UNIVERSITY INNOVATION COMPETITION 2021 (PIITRAM)

7 - 15 MAC 2021

FB LIVE UMT DAN UniSZA



Tiga kumpulan pelajar Program Asasi Pengurusan Sesi 2020/2021 telah berjaya merangkul dua pingat emas dan satu pingat perak dalam Pre-University Innovation Competition (PIITRAM) 2021.

Kumpulan pertama, Asasian Young Inventors dianggotai oleh saudara Shreethaar Arunagirinathan, saudari Umi Athirah Mohd Fauzi dan saudara Wan Harith Wan Zainal memenangi pingat emas menerusi projek inovasi Artificial Intelligence Web Cam: An e-Learning and Exam Sentry yang telah mendapat pujiannya daripada juri.

Kumpulan kedua yang diketuai oleh saudara Mohammad Noor Aiman Hassan Nudin turut berjaya memperoleh pingat emas menerusi ciptaan DAIMAN A Virtual Reality Website: VR Beyond Future Learning. Manakala kumpulan ketiga berjaya mendapat pingat perak menerusi idea penghasilan laman web Student r Us. Semua produk inovasi ini telah didaftarkan sebagai harta intelek (IP).

ASASIPIntar UKM

ASTRA GOT TALENT


13 JANUARI - 21 JANUARI 2021

MPPTK 20/21



Kita tidak seharusnya menafikan bakat para pelajar ASASIPIntar. Banyak bakat-bakat terpendam para pelajar yang seharusnya kita cungkil untuk menjadikan seseorang pelajar itu serba boleh dalam pelbagai bidang. ASTRAL Got Talent telah diadakan bagi menyediakan platform bagi pelajar untuk mengasah bakat mereka.

20 Disember 2020 merupakan tarikh pengumuman pertandingan ASTRAL Got Talent kepada semua pelajar. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu berseorangan dan berkumpulan. Pelajar diminta untuk menghantar video yang berdurasi 3 hingga 5 minit dan video-video tersebut dimuatnaik dalam laman web Wix. Pada 13 Januari 2021, Google Form telah diedarkan bagi pelajar untuk membuat undian bagi kedua-dua kategori. Nama para pemenang telah diumumkan pada 21 Januari 2021 dan video para pemenang telah dimuatnaik di Instagram rasmi Astral.



ASASIpintar UKM


PERTANDINGAN DEBAT ASPI

19 - 23 FEBRUARI 2021

MPPTK 20/21

Pertandingan Debat ASPI 2021 telah dianjurkan bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang berketerampilan serta membentuk mahasiswa yang berpotensi tinggi bukan sahaja dalam bidang intelektual, rohani dan jasmani bahkan dalam aspek penghujahan awam. Di samping itu, pertandingan ini menjadi salah satu inisiatif yang berkesan untuk menonjolkan bakat pelajar ASASIpintar UKM yang mana pertandingan ini mengalakkan pelajar ASASIpintar untuk mempertingkatkan keyakinan diri, kemahiran insaniah serta interpersonal diri setiap pelajar.

Satu kumpulan terdiri daripada 3 orang peserta iaitu sebagai perdana menteri, timbalan menteri dan menteri pertahanan.



Tahniah!
TEMPAT PERTAMA

PERTANDINGAN BAHAS ASASIPINTAR

1B

1. FATIN BATRISYIA BINTI MOHD ROSLAN
2. QISTINA SYAHINDAH BT LOKMAN
3. HAZIQ HAIQAL BIN ABDUL HALIM

TEMPAT KEDUA
PERTANDINGAN BAHAS ASASIPINTAR

3A

1. KUKANESWARAN SURESHKANNAN
2. MUHAMMAD TAUFIK HIDAYAH BIN NAZRI
3. MUHAMMAD ASYRAAF BIN RAZAK

TEMPAT KETIGA
PERTANDINGAN BAHAS ASASIPINTAR

2A

1. AHMAD FIKRI SYAMIL BIN AHMAD SABRI
2. MUHAMMAD FARID BIN ROHANI
3. HANNAH BINTI MUHAMMAD FISAL

Sebanyak 16 kumpulan dari setiap set telah bertanding pada 19 Februari hingga 23 Februari 2021. Platform Microsoft Teams telah digunakan sebagai medium untuk menjayakan pertandingan Debat ASPI 2021 bersesuaian dengan keadaan global yang dilanda wabak COVID-19. Pertandingan ini menggunakan sistem kalah mati yang mana pasukan yang memenangi satu sidang akan mara ke peringkat lain dan pasukan yang kalah akan tersingkir. Pemenang akan dikira di peringkat akhir iaitu johan, naib johan, tempat ketiga dan pendebat terbaik melalui kedudukan kumpulan semasa berdasarkan markah yang dinilai oleh hakim-hakim terlibat.

ASASIpintar UKM

MINGGU KERJAYA

13 - 14 MAC 2021

Pemilihan kerjaya sentiasa menjadi cabaran bagi para pelajar yang baru sahaja tamat zaman persekolahan. Keinginan mereka untuk menjadi seseorang yang berjaya pada masa hadapan membuatkan mereka berasa gelisah dalam pemilihan laluan kerjaya. Oleh itu, pihak Pusat GENIUS@pintar Negara telah berganding bahu bersama-sama pihak Majlis Perwakilan Pelajar dan Tertinggi Kolej ASASIpintar (MPPTK) bagi mengadakan program Minggu Kerjaya. Ia bertujuan untuk membuka minda para pelajar dan mempelajari secara mendalam tentang sesuatu kerjaya itu.

Seramai 16 orang penceramah dari setiap bidang pekerjaan telah dijemput untuk memberikan sedikit informasi dan menjawab soalan-soalan pelajar selama dua jam. Covid-19 bukanlah sesuatu halangan kerana platform Microsoft Teams telah digunakan oleh pihak ASASIpintar untuk menjayakan program ini.



LEADER'S LEAGUE CAMP

29 - 30 MEI 2021

Skil kepimpinan adalah amat penting untuk dibentuk dalam jati diri setiap pelajar. Walaupun berjauhan, ia tidak menghalang kami untuk terus melaksanakan kem kepimpinan agar memberi peluang kepada setiap pelajar untuk berkenalan sesama sendiri di samping mengembangkan bakat kepimpinan melalui pelbagai aktiviti yang disertakan dalam modul kem kepimpinan leaders league. Dilaksanakan dalam dua fasa, para peserta kem dibahagikan kepada 10 kumpulan, dan mereka dikehendaki bekerjasama sebagai satu kumpulan untuk memenangi hati juri di setiap checkpoint. Mereka bukan sahaja perlu menjual sebuah barang sebagai sebuah syarikat perniagaan, malah mereka juga berpeluang merasai membina kabinet kerajaan sendiri mengikut keistimewaan setiap individu dalam kumpulan masing-masing. Aktiviti yang dilaksanakan sepanjang kem mendapat sambutan yang baik dari para peserta. Pemenang dibahagikan kepada kumpulan terbaik, kumpulan kedua terbaik dan peserta terbaik setiap kumpulan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada pengajur dan peserta kem ini kerana berjaya merealisasikan kem ini walaupun jarak memisahkan antara satu sama lain.



KEPUTUSAN FASA 1
TEMPAT PERTAMA : GROUP 1
TEMPAT KEDUA : GROUP 4
PESERTA TERBAIK : MUHAMMAD NAJMI BIN DZULKARNAIN
KEPUTUSAN FASA 2
TEMPAT PERTAMA : GROUP 7
TEMPAT KEDUA : GROUP 1
PESERTA TERBAIK : MUHAMMAD FAIZ AIMAN BIN ABDUL HAMID



PASUM

PEPERIKSAAN MUET SESI 2 TAHUN 2020

30 JANUARI 2021

Peperiksaan MUET Sesi 2 Tahun 2020 telah diadakan pada 30 Januari 2021 secara bersemuka di Bangunan Peperiksaan Universiti Malaya. Pelbagai pihak telah terlibat dalam persediaan menghadapi peperiksaan seperti pihak Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej-kolej kediaman, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE), Jabatan Pembangunan Dan Penyelenggaraan Harta Benda dan Pejabat Keselamatan, Universiti Malaya. Ianya bagi memastikan kelancaran perjalanan peperiksaan dan pematuhan SOP.

Peperiksaan ini yang pada awalnya ditetapkan pada bulan Oktober 2020 terpaksa ditangguhkan akibat kekangan pandemik COVID-19 di seluruh negara. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar tetap memberi kerjasama yang baik dalam pematuhan SOP yang telah ditetapkan dan kelihatan tenang menjawab peperiksaan.

Pihak PASUM mengucapkan terima kasih atas kerjasama semua pihak dalam memastikan peperiksaan ini berjalan lancar.



SUKAN ASASI MALAYSIA 2021 (SAM 2021)

20 - 28 MAC 2021

PASUM telah terpilih menjadi tuan rumah Sukan Asasi Malaysia (SAM) kali ke-4 yang telah berlangsung pada 20 hingga 28 Mac 2021. Pengaturan aktiviti sukan pada kali ini, hanya melibatkan permainan e-sukan iaitu PUBG dan Mobile Legends disebabkan kekangan pandemik Covid-19 di seluruh negara pada ketika itu.

Majlis pembukaan rasmi SAM telah diadakan pada 20 Mac 2021, jam 9.00 pagi secara dalam talian.

Sukan Asasi Malaysia (SAM) kali ke-4 ini telah diketuai oleh Ketua Penasihat iaitu En. Fakhruzzizi b. Hussain dan Dr. Ahmad Zaki b. Mohamad Amin.

Pertandingan Mobile Legends (ML) telah diadakan pada 20 dan 21 Mac 2021 manakala pertandingan PlayerUnknown's Battlegrounds (PUBG) diadakan pada 27 dan 28 Mac 2021. Majlis penutup sukan telah diadakan pada petang 28 Mac 2021.



PASUM telah menduduki tempat ke-4 (Pasukan UM Woyes dalam Player Unknown's Battlegrounds - PUBG).

PASUM

PERTANDINGAN INOVASI INTER – ASASI MATRIKULASI 2021 (PIITRAM) 2021

7 - 15 MAC 2021

Pertandingan Inovasi Inter-Asasi dan Matrikulasi (PIITRAM) ini telah berlangsung pada 7 hingga 15 Mac 2021. Ia melibatkan semua Pusat Asasi dan Kolej Matrikulasi di seluruh Malaysia.

Pihak PASUM mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menyertai dan tahniah kepada semua pemenang iaitu daripada kategori staf akademik dan pentadbiran serta pelajar dalam Pertandingan Inovasi Inter – Asasi Matrikulasi 2021 (PIITRAM) 2021. Berikut adalah senarai projek yang telah berjaya merangkul anugerah:

Kategori	Ketua	Ahli
Pelajar	Projek : Oryza Cell (EMAS)	
	Muhammad Faris bin Ahmad Faiz	Nur Faiqah binti Ahmad Azman
	Projek : Green Proton Batteries Based on Dextran from Leuconostoc Mesentroides (PERAK)	
	Mohammad Nazrin Mohammad Nazri Nages	1. Nuh Akmal Mohammad 2. Nur Aisyah Hana Fakarudin 3. Datu Afif Issac Datu Asrah 4. Prof Madya Dr. Mohd Fakhru Zamani Bin Abdul Kadir (penasihat)

Staf Pentadbiran	Projek : PASUM Lab-Safety ++ (PERAK)
	En. Mohamad Hairul Azmir bin Harun 1. En. Mohamad Hairul Azmir 2. Pn. Norsyuhadah Yahya 3. Pn. Saripah Ismail 4. Cik Noor Fadzilah Mansur 5. Dr. Syed Bahari Ramadzan Syed Adnan 6. Prof. Dr. Ibrahim Mohamed 7. Dr. Faridah Sonsudin 8. Che Mohd Farhan Bin Che Mat Dusuki 9. Pn. Tengku Nur Yuhanie Tengku Ahmad 10. Pn. Nurul Ashikim Mohd
	Projek : PASUM HR-ACADEMIC++ (EMAS dan Projek Inovasi Ke-3 Terbaik serta wang tunai RM 200)
En Hud Hanapi	1. Pn. Nur Amirah Samad 2. Pn. Anis Syafiqah Ahmad Sukri 3. Cik Amirah Nadia Saringat 4. Pn. Hazlinda Othman 5. Prof. Dr. Ibrahim Mohamed 6. Prof. Madya Dr. Noor Hashida Hashim 7. Dr. Ungku Ferwani Salwa Ungku Ibrahim

Staf akademik	Projek : A Low- Cost Approach to Increase Students Engagement and Understanding in Online Teaching & Learning using MS Teams with an A4 Paper Sized Whiteboard (PERAK & Tempat Pertama Poster Terbaik)
	En. Amirul Mohamad Khairi bin Mannan 1. Dr. Hutkemri Zulnaldi 2. Dr. Faridah Ibrahim
	Projek : An Innovative ViSel Approach to Overcome Visual, Speech and Listening Barriers for Educators and Online Users in Hybrid Teaching & Learning (EMAS)
	En. Amirul Mohamad Khairi bin Mannan 1. Dr. Hutkemri Zulnaldi 2. Dr. Faridah Ibrahim
	Projek : Integrating Simulation Experiments and Maximizing Learning Process Through Online Interactive Activities for Physics Laboratory Session Via Microsoft Teams in Pre-University Level Programme (GANGSA)
	Dr. Ungku Ferwani Salwa Ungku Ibrahim 1. En. Mohd. Yahya Ahmad 2. Dr. Salmiah Ibrahim 3. En. Naharudin Mustafa 4. Dr. Izlinna Supa'at 5. Pn. Hashlina Rusdi 6. Dr. Zainal Abidin Ali 7. Dr. Mohd Fahmi Azman 8. Cik Nur Shamimi Akmal Azany
	Projek : Integrated Lesson Delivery System for Various Teaching Modes of STEM Subject (PERAK)
	En. Mohd Yahya Ahmad Rosmawati Razak



PRE-UNIVERSITY MALAYSIA INNOVATION COMPETITION 2021

Date: **28 FEB - 3 MARCH 2021**

Time: **9.00AM to 5.00PM**

Platform: **Cisco webex**

Innovation Category:

- Student**
- Academician**
- Administration**

Registration Fee: **RM 150**

TOP 3 INNOVATION PRIZES *

MYR 500 +medal +e-certificate	MYR 300 +medal +e-certificate	MYR 200 +medal +e-certificate
---	---	---



REGISTER NOW
Scan the QR Code to register

24 FEBRUARY 2021

PASUM

MAJLIS ANUGERAH EMAS 2021 (MAE 2021)

4 APRIL 2021

Majlis Anugerah Emas (MAE) merupakan majlis makan malam tahunan PASUM yang sangat penting untuk meraikan pencapaian pelajar dalam bidang akademik dan kurikulum sepanjang keberadaan mereka di PASUM. Walau bagaimanapun, untuk 2021, sambutan agak berbeza memandangkan situasi pandemik Covid-19 dimana MAE telah diadakan secara atas talian pada 4 April 2021. Ketua Penasihat Majlis Anugerah Emas 2021 adalah En. Hisham Safuan b. Mohamad Sukri dan Puan Wan Nur Hidayah bt A. Karim. Pada setiap tahun alumni PASUM, Persatuan Lepasan Asasi Sains (PLAS) tidak ketinggalan memberikan sumbangan sebagai sokongan serta menjayakan majlis ini



PERTANDINGAN MENCipta PUISI JEPUN 'TANKA' MAC 2021

Pihak PASUM ingin mengucapkan tahniah kepada pelajar dari Program Asasi Sains Hayat iaitu Ainura Musaeva Talaibek dan Alya Binti Mohd Noor dari program Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ) kerana telah terpilih sebagai pemenang di dalam Pertandingan Mencipta Puisi Jepun 'Tanka' iaitu bagi kategori penyertaan luar negara dan Pusat Persediaan Bahasa Jepun anjuran Toyo University, Jepun. Terdapat penyertaan dari pelbagai negara, dan 14 penyertaan adalah dari Malaysia.



Semua nama pemenang dan puisi mereka telah dimuatkan dalam laman web Toyo University manakala buku puisi pemenang 2021 akan diedarkan dalam bulan Mac 2021

PASUM JOHAN DEBAT INTER ASASI UNIVERSITI AWAM 2021 26 - 28 MAC 2021




PASUM telah berjaya merangkul gelaran juara Debat Inter Asasi Universiti Awam 2021 bagi kategori Bahasa Melayu manakala Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) berjaya menjuarai kategori Bahasa Inggeris. Pertandingan debat ini dianjurkan oleh Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Majlis Dekan/Pengarah Asasi Universiti Awam. Pertandingan ini berlangsung dari 26 hingga 28 Mac 2021 dan menyaksikan kategori Pendebat Terbaik dianugerahkan kepada saudara Muhammad Shah Iqbal Mohd Shahrol Nizam dari Program Asasi Sains Hayat

ASASI PERTAHANAN UPNM

BACAAN YASSIN PERDANA PAP 9 FEBRUARI 2021

Suatu program Bacaan Yassin Perdana peringkat Pusat Asasi Pertahanan (PAP), UPNM telah diadakan pada 9 Februari 2021 sebagai salah satu persediaan akhir pelajar PAP sebelum menghadapi peperiksaan pertengahan semester 1 sesi 2020/2021 dan Malaysian University English Test (MUET). Bacaan Yassin yang diadakan secara langsung melalui Live Facebook Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi (JPPA) disertai seramai 159 orang pelajar serta kakitangan akademik dan pentadbiran PAP dengan harapan dan doa semoga diper mudahkan urusan para pelajar menjawab soalan peperiksaan serta mendapat keputusan yang cemerlang.

Program seperti ini diharap dapat diteruskan pada masa hadapan dalam memupuk sifat bekerjasama, kasih sayang dan dapat merapatkan ukhwah di kalangan pelajar, pensyarah serta staf pentadbiran PAP.



UPNM'S CHAP GOH MEH 2021 26 FEBRUARI 2021



Sempena berakhirnya perayaan Tahun Baru Cina, hari Chap Goh Meh telah disambut pada hari ke – 15 Tahun Baru Cina iaitu pada 26 Februari 2021. Dalam memperkenalkan tradisi dan budaya bangsa Cina serta memupuk semangat masyarakat berbilang kaum di kalangan warga UPNM, Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi (JPPA) dan PAP telah bekerjasama menganjurkan UPNM'S Chap Goh Meh melalui program pembelian dan pemberian CNY Fortune Bag yang ditawarkan kepada seluruh warga UPNM. Buah limau mandarin, kad ucapan serta kuih raya tradisi kaum Cina seperti kerepek ngaku, coklat Kitkat dan sebagainya diletakkan dalam setiap CNY Fortune Bag mengikut pakej kombo pilihan. Tempahan CNY Fortune Bag dibuka selama 3 hari menerusi pautan Google Form yang disediakan.

ASASI PERTAHANAN UPNM

PAP INNOVATION COMPETITION (PAPIC 2021) 30 MAC 2021

Pada 30 Mac 2021 yang lalu, telah berlangsungnya Pertandingan Inovasi Pusat Asasi Pertahanan 2021 (PAPIC 2021) di Anjung Nautika, Bangunan Bestari, UPNM anjuran Pasukan Penggerak STEM-KTP, PAP. Sebanyak 17 kumpulan penyelidik yang terdiri daripada 87 orang pelajar PAP membentangkan poster serta hasil produk inovasi STEM yang dibangunkan kepada 10 orang juri profesional daripada kalangan pensyarah UPNM.

Pertandingan yang diilhamkan daripada Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi 2021 (PIITRAM 2021) ini merupakan suatu platform yang diperkenalkan bagi mendorong pelajar menerokai kemahiran kreativiti dan pemikiran secara kritikal melalui penghasilan produk berinovasi dengan mengaplikasikan ilmu sains, teknologi dan matematik. Kumpulan S15 dengan produknya, Wrist Spidertizer: Smart and Easy Accessed Hand Sanitizer telah berjaya merangkul juara bagi kategori Best Innovation Award dengan membawa pulang wang tunai RM300, medal dan sijil. Bagi kategori Popular Poster Award pula, kumpulan S3 dengan inovasi Learnly Bot memperoleh tempat pertama dengan undian paling banyak di media sosial Facebook dan Instagram Pusat Asasi Pertahanan serta Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Asasi (JPPA) UPNM. Bagi menghargai kerja keras setiap kumpulan yang telah bertungkus lumus menyiapkan hasil inovasi mereka, Anugerah Khas Jabatan juga telah diberikan kepada tiga hasil inovasi yang menepati kriteria yang telah ditetapkan oleh setiap jabatan iaitu :

- Anugerah Khas Jabatan Kimia & Biologi**
S11 - PemMA: Eco-Friendly and Biodegradable Face Mask
- Anugerah Khas Jabatan Fizik**
S7 - Smart Mobile Streetlight (SMoSL)
- Anugerah Khas Jabatan Matematik**
S6 - Sea Saver



ASASI PERTAHANAN UPNM

KEJOHANAN SUKAN ASASI MALAYSIA 2021

Kejohanan tahunan Sukan Asasi Malaysia 2021 (SAM 2021) pada kali ini telah berlangsung di bawah anjuran Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) selaku tuan rumah. Walaupun pandemik Covid-19 masih melanda negara, ia tidak menghalang penganjur untuk terus menjalankan kejohanan e-sukan iaitu sukan secara atas talian. Kontinjen Pusat Asasi Pertahanan (PAP) yang diwakili oleh 18 orang atlet dan 3 orang pegawai telah menyertai dua acara e-sukan iaitu Mobile Legends dan Playerunknown's Battlegrounds (PUBG). Keseluruhannya, walaupun dengan kekangan latihan intensif dan prasarana e-sukan di UPNM, kontinjen Pusat Asasi UPNM telah menunjukkan prestasi yang memuaskan dan komitmen yang baik dengan salah satu pasukan iaitu UPNM Zeus berjaya menduduki tempat ke – 5 dalam acara PUBG.



PUSAT ASASI UIAM

PERSIDANGAN AKADEMIK PUSAT ASASI UIAM 29 MAC 2021

Persidangan akademik Pusat Asasi UIAM buat julung kalinya telah dianjurkan pada 29 Mac 2021 di UIAM Kampus Gambang. Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan, Profesor Dr. Ahmad Faris Bin Ismail di dalam ucaptama perasmian majlis itu telah menyampaikan ucapan tahniah kepada Pusat Asasi tersebut di atas penganjuran ini yang disifatkan sebagai batu anjakan

untuk pencapaian yang lebih cemerlang di masa akan datang. Katanya usaha ini adalah selari dengan Kerangka Akademik Sejahtera yang diterajui di peringkat utama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebanyak 26 kertas kerja yang telah dibentangkan di persidangan tersebut. Berikut adalah pemenang bagi dua kategori:



Kategori 1: Pembentangan Poster

Pertama: Arabic Placement Test (APT) and Achievement Test: A Comparison Study on Teachers' and Students' Perspectives

Ahli Kumpulan: Mastura Binti Arshad, Nur Arifah Binti Samat, Najmiah Binti Hashim, Ilyani Syiham Binti Muhammad, Mohd Zulhisyam Bin Mustapai, Muhammad Bahari Bin Ab Jabbar

Kedua: Impact of COVID-19 outbreak on IIUM Nursing and Allied Health Sciences Students

Ahli Kumpulan: Suhaili Binti Husain, Noor Saadiah Binti Mohd Ali and Rosmaya Binti Jamauddin.

Ketiga: Statistical item analysis of the Physics examination in CFS students

Ahli Kumpulan: Hafiz Bin Husin, Mohd Nazir Bin Mohd Nawi, Mazni Binti Mohd Noor, Izdihar Bin Ishak

Pembentangan Lisan

Pertama: IIUM Students Count: An evaluation of remote teaching and learning practice during COVID-19.

Ahli Kumpulan: Noor Saadiah Binti Mohd Ali, Nurhafizah Binti Saidin, Nurur Raudzah Binti Md Nor, Noor Asiah Binti Aling, Nur Farrah Syazwanie Binti Ismail, Muhammad Ashraf Bin Fauzi.

Kedua: The Effectiveness of Online Physics Laboratory

Ahli Kumpulan: Naemah Binti Baharuddin, Habibah Binti Usop @ Yusoff, Mohd Nazir Bin Mohd Nawi, Hafiz Bin Husin, Izdihar Bin Ishak, Mazni Binti Mohd Noor

Ketiga: Issues and Challenges in Teaching and Learning Arabic Language during Remote Teaching and Learning (RTL) Phase

Ahli Kumpulan: Mohamad Ikmal Hakimi Bin Mohamad Helni, Muhamad `Adli Bin Ahmad Rosdi.

PUSAT ASASI UIAM

PROJEK MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN PUSAT ASASI UIAM - "LMcD We're Bringin' It" 10 MAC 2021



Selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan – Sifar Lapar Pusat Asasi UIAM, Jabatan Bahasa dan Pengurusan (LMD) telah berkerjasama dengan Jabatan Senibina dan Alam Sekitar (AED) bagi menganjurkan program pemberian makanan kepada pelajar. Program tersebut dinamakan sebagai 'LMc'd We're Bringin It' adalah bertujuan bagi menyampaikan makanan berupa satu pek mengandungi satu set menu Mc'Donalds double cheese burger.

Program ini telah dianjurkan dengan jayanya serta mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelajar-pelajar pusat asasi di kampus Gambang. Sebanyak 90 pek makanan tersebut telah berjaya diagihkan kepada semua pelajar.

BARANGAN PERCUMA SEMPENA KEMBALI KE SEKOLAH 9 JANUARI 2021

Jabatan Fizik dan ICT Pusat Asasi UIAM telah bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Surau As- Sobirin, Taman Gambang Damai dalam menganjurkan program sumbangan kepada masyarakat setempat. Program itu menfokuskan kepada menyediakan barang keperluan persekolah pelajar-pelajar. Barang tersebut diperolehi daripada sumbangan orang ramai dan juga merupakan barang baru atau terpakai.

Seramai 59 keluarga dari masyarakat setempat telah menyertai program tersebut dan pelajar-pelajar dari keluarga tersebut kelihatan gembira dengan sumbangan tersebut.

Syukur ke hadrat Ilahi, program ini merupakan langkah pertama kakitangan pusat asasi dalam penganjuran program kebajikan seperti ini dan juga dalam menyemai usaha 3R iaitu "Reduce, Reuse and Recycle" barang terpakai.



PUSAT ASASI UIAM

PERTANDINGAN DEBAT INTERASASI UNIVERSITI AWAM 2021



IIUM World Debate and Oratory Unit (IWON) ingin mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli persatuan diatas kemenangan anugerah dan pengiktirafan di dalam Pertandingan Debat Interasasi Universiti Awam 2021. Di dalam pertandingan tersebut, Pusat Asasi UIAM Gambang telah mengantar empat (4) kumpulan (2 Bahasa Melayu dan 2 Bahasa Inggeris).

Kumpulan Debat Bahasa Melayu berikut telah memenangi tempat kedua di dalam pertandingan tersebut:

- 1) Muhammad Adnin Bin Mohd Rasidi (Laws)
- 2) Muhammad Nur Aiman Bin Mohammad Ridzuan (Econs)
- 3) Nur Syahirah Balqis Binti Shahrulnizam (Laws)

IWON ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pelatih-pelatih dan alumni yang bertungkus lumus di belakang tabir bagi mengecapi kejayaan ini.

SUKAN ASASI MALAYSIA (E-SPORT) KALI KE- 4 2021

19 - 27 MAC 2021

Kejohanan Sukan Asasi Malaysia 2021 telah dianjurkan oleh Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM). Bagi pertandingan Mobile Legend, wakil kumpulan Pusat Asasi UIAM tidak memenangi sebarang tempat utama. Manakala, bagi kategori PUBG Mobile, UIAM Hometown Esport dari Pusat Asasi UIAM telah mendapat tempat ketiga keseluruhan bagi kategori tersebut.

Kesemua kumpulan yang mewakili Pusat Asasi UIAM iaitu UIAM Skyair (Mobile Legend), UIAM GGCFAm and UIAM TeamHera (PUBG Mobile) telah memberikan usaha terbaik di dalam pertandingan tersebut. Sekalung ucapan tahniah kepada peserta-peserta yang mewakili Pusat Asasi UIAM!.



PUSAT TAMHIDI USIM

PUSAT TAMHIDI BAWA PULANG TIGA EMAS DI PIITRAM 2021 15 MAC 2021

Pusat Tamhidi mencipta kecemerlangan tersendiri dengan membawa pulang tiga pingat emas dalam Karnival Pertandingan Inovasi Inter-Asasi Matrikulasi (PIITRAM 2021) yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Karnival ini menyaksikan sebanyak 368 peserta dari pelbagai Pusat Asasi Universiti Awam dan juga Matrikulasi yang diadakan secara dalam virtual. Sebanyak tiga kategori dipertandingkan pada karnival PIITRAM 2021 iaitu kategori pelajar, ahli akademik dan juga pentadbir.

Karnival PIITRAM 2021 merupakan medium terbaik bagi para inovator untuk berkongsi pelbagai praktis yang terbaik yang diamalkan dari pelbagai universiti melalui produk yang dibentangkan oleh pensyarah, pentadbir mahupun pelajar. "Inilah peluang terbaik bagi warga Pusat Tamhidi untuk mempamerkan bakat dan kreativiti dalam menyelesaikan isu atau masalah disamping meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi" kata Penyelaras Pertandingan Inovasi Pusat Tamhidi, En. Mohd Naser Mohd Sabri.



Penarafan Emas

I-Tamhidi as an Interactive Platform to Learn Arabic Language (Kategori Pensyarah),
My Class Adjustment System (Kategori Pentadbir),
Herb Sprayer (Kategori Pelajar)



Penarafan Perak

Yalla... Arabiyyah! (Kategori Pensyarah),
A Portable and Affordable Fire Extinguisher (Kategori Pelajar)



Penarafan Gangsa

Anti Echo Folder (ANCHOR) (Kategori Pensyarah),
Modification of Sponge with Wax to Introduce Oleophilic (Kategori Pensyarah)

PUSAT TAMHIDI USIM

PUSAT TAMHIDI RAIH TEMPAT KETIGA DALAM SUKAN ASASI MALAYSIA (E-SUKAN) 2021 26 MAC 2021

Pasukan Mantap Gaming Pusat Tamhidi USIM telah berjaya merangkul tempat ketiga bagi kategori Mobile Legend dan Player Unknown Battlegrounds dalam Kejohanan Sukan Asasi Malaysia 2021 (SAM 2021) bermula pada 20 Mac yang lalu. Kejohanan ini dianjurkan secara dalam talian sepenuhnya oleh Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM) dan telah memasuki edisi keempat sejak mula dianjurkan pada tahun 2018.


"Kejohanan ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara peserta yang terdiri daripada berlainan universiti awam dan matrikulasi. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang!" kata Encik Mohd Naqiudin Bin Che Ibrahim sebagai Penyelaras Sukan Pusat Tamhidi USIM.



MUSABAQAH DEBAT INTER-TAMHIDI 2021 12 - 14 MAC 2021

Tamhidi Syariah dan Undang-undang telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Musabaqah Debat Inter-Tamhidi 2021. Musabaqah Debat Inter-Tamhidi telah memasuki edisinya yang ke-8 diurussetiakan oleh Pusat Tamhidi dengan kerjasama Kelab Debat USIM serta Sekretariat Pelajar Tamhidi.

Uniknya pada tahun ini, pertandingan debat ini telah dianjurkan secara dalam talian menerusi aplikasi ZOOM. Program ini dilihat sangat signifikan bagi memartabatkan perdebatan sebagai medium berdiskusi secara profesional seterusnya memupuk sifat-sifat kepimpinan dan semangat kerja berpasukan. Majlis penutup Musabaqah Debat Inter-Tamhidi telah diadakan secara fizikal bertempat di Galeri HEP dan dirasmikan oleh Profesor Madya ChM. Dr Juliana Binti Jumal, Pengarah Pusat Tamhidi USIM.



PUSAT TAMHIDI USIM

PERTANDINGAN DEBAT INTER-ASASI UNIVERSITI AWAM 2021 26 - 29 MAC 2021

Buat julung kalinya Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2021 diadakan secara dalam talian berikutan pandemik Covid-19. Pada tahun ini Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Majlis Dekan/Pengarah Pusat Asasi Universiti Awam Malaysia menjadi urusetia dalam penganjuran pertandingan debat yang berprestij ini. Sebanyak 53 pasukan serta 212 orang peserta dari pelbagai Pusat Asasi dan Matrikulasi menyertai pertandingan ini. Majlis Perasmian Penutup telah dirasmikan oleh Naib Canselor USIM Profesor Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin.



“Penguasaan kemahiran pengucapan awam adalah amat penting untuk memastikan ucapan, pembentangan atau penyampaian sesuatu kerja dilaksanakan dengan berkesan dan efektif. Penglibatan pelajar di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan berupaya memberi pendedahan kepada pelajar dalam berkomunikasi bagi meningkatkan keyakinan untuk menempuh alam pekerjaan selepas tamat pengajian mereka” kata Profesor Dato' Dr. Mohamed Ridza Wahiddin dalam ucapannya.

Johan Kategori Bahasa Melayu dimenangi oleh Pusat Asasi Universiti Malaya (A), dan pendebat terbaik dimenangi oleh saudara Shah Iqbal dari Pusat Asasi Universiti Malaya (A). Manakala Johan Kategori Bahasa Inggeris dimenangi oleh Kolej Matrikulasi Johor (A), juga Pendebat terbaik akhir bagi kategori Bahasa Inggeris dimenangi oleh saudara Imran Zamil Najwah dari Kolej Matrikulasi Johor (A). Manakala Johan membawa pulang wang tunai RM1000, sijil penyertaan dan cenderahati. Tahniah diucapkan!



PROGRAM MATRIKULASI KPM

PERTANDINGAN DEBAT INTER ASASI UNIVERSITI AWAM 2021 26 - 28 MAC 2021

Kolej Matrikulasi Johor (KMJ) telah menghantar 2 kumpulan debat Bahasa Inggeris ke Pertandingan Debat Inter Asasi Universiti Awam 2021. Dalam pertandingan tersebut, KMJ telah berjaya memenangi johan bagi kategori Bahasa Inggeris serta Pendebat Terbaik Akhir Kategori Bahasa Inggeris iaitu Imran bin Zamil Najwah.



SUKAN ASASI MALAYSIA E- SUKAN 2021 21 MAC 2021

Bagi penyertaan Sukan Asasi Malaysia e-Sukan 2021, Majlis Sukan Matrikulasi Malaysia telah menghantar lima pasukan dan dua daripadanya telah berjaya memenangi johan (Kolej Matrikulasi Pahang) serta naib johan (Kolej Matrikulasi Perak).



PROGRAM MATRIKULASI KPM

INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION CHALLENGE 2021 (IDIIC 2021)

1 - 20 APRIL 2021

Kolej Matrikulasi Melaka (KMM) telah menghantar enam penyertaan ke pertandingan IDIIC 2021 yang mana mereka telah berjaya merangkul satu emas, tiga perak dan dua gangsa melalui ciptaan inovasi mereka.



KECEMERLANGAN PENSYARAH

Kecemerlangan pensyarah matrikulasi terutamanya kejayaan dalam pelbagai pertandingan inovasi sama ada di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa adalah menjadi kebanggaan dan kekuatan Program Matrikulasi KPM.



Pertandingan Bahas Guru Piala
Pusingan Yayasan Guru Malaysia
Berhad Peringkat Kebangsaan 2021
15 - 30 Mac 2021

Tambahan sikap pensyarah yang positif, prihatin, tidak berkira, dan bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti berbentuk kesukarelaan dan kemasyarakatan juga telah banyak membantu pihak kolej, komuniti dan masyarakat setempat.

Namun berkat kegigihan pensyarah matrikulasi dan komitmen yang tinggi mereka mampu menghasilkan pelbagai inovasi terutamanya dalam inovasi PdP demi memperkasakan kualiti pengajaran dan pembelajaran Program Matrikulasi.

PROGRAM MATRIKULASI KPM

Bermula Januari 2021 sehingga Jun 2021, pensyarah matrikulasi telah menyertai dan mencapai kejayaan dalam beberapa pertandingan inovasi yang berimpak tinggi.

PERTANDINGAN INOVASI INTER ASASI - MATRIKULASI 2021 (PIITRAM) 7 - 15 MAC 2021

PERTANDINGAN INOVASI				
PINGAT	PELAJAR	PENSYARAH	PENGURUSAN	JUMLAH
EMAS	4	23	2	29
PERAK	3	9	1	13
GANGSA	4	3	1	8
JUMLAH	11	35	4	50

POSTER TERBAIK		
TEMPAT	KATEGORI	KOLEJ Matrikulasi
PERTAMA	PENGURUSAN	KML
KETIGA	PENSYARAH	KMKt

3 INOVASI TERBAIK	
KATEGORI	KOLEJ Matrikulasi
PELAJAR	KMPk
	KMNS
PENSYARAH	KML
	KMPP

KOLOKIUM PDPC STEM PERINGKAT KEBANGSAAN (KSTEM 2021) 6 - 8 APRIL 2021

Anjuran: IPG Kampus Sultan Mizan



KOLOKIUM PdPc STEM PERINGKAT KEBANGSAAN (KSTEM 2021)

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SULTAN MIZAN, BESUT, TERENGGANU

PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK:
PENGUNAAN ORBITAL DRAWING KIT DAN APLIKASI
PADLET BAGI MENINGKATKAN PENGUASAAN PELAJAR
MELUKIS ORBITAL OVERLAPPING

PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG 5 APRIL 2021



Encik Aw Ying Juan
Pensyarah Cemerlang
Matematik
Kolej Matrikulasi Perak

KOLOKIUM PDPC STEM 21 PERINGKAT KEBANGSAAN 6 - 8 April 2021

PELAKSANAAN FLIPPED CLASSROOM
DALAM MENINGKATKAN PENGUSAHAAN
KONSEP, MOTIVASI DAN KEMahiran
BERPINKIR PELAJAR DALAM TOPIK
BIODIVERSITI



ANUGERAH PEMENANG KATEGORI PENYELIDIKAN
TEMPAT KEDUA

Dr Suzilawati binti Shamsuddin
Ketua Penyelidik /Pembentang
Unit Ridozi KMPk

Pn Hazwani binti Zali



Pn Siti Noor Aishah binti Zaharudin

PROGRAM MATRIKULASI KPM

INTERNATIONAL DIGITAL INNOVATION AND INVENTION
CHALLENGE
2021 (IDIIC 2021)
1 JANUARI - 20 APRIL 2021

KEPUTUSAN PERTANDINGAN INOVASI			
KOLEJ	EMAS	PERAK	GANGSA
KMM	5		2
KMNS	2	1	2
KMKt	1	2	7
KML	1	2	4
KMJ	1	2	
KMKK	1	1	2
KMS		2	
KMP			1
KMK			1
JUMLAH	11	10	19

3 INOVASI TERBAIK	
Best of the best Award	KMJ
	KML
Exemplary Innovation Hub Award	KMKt

PENGIFTIRAFAN PROGRAM MATRIKULASI KPM OLEH UNIVERSITI KYOTO, JEPUN

Program Matrikulasi KPM telah berjaya mendapatkan pengiktirafan daripada Universiti Kyoto, Jepun pada 10 Mac 2021. Mulai tahun 2021, pelajar lepasan Program Matrikulasi KPM layak untuk memohon kemasukan ke peringkat ijazah pertama ke universiti tersebut.



PENGIFTIRAFAN UNIVERSITIES NEW ZEALAND - TE PŌKAI TARA

10 Jun 2021- Bahagian Matrikulasi KPM telah mendapat pengiktirafan daripada Universities New Zealand-Te Pōkai Tara (UNZ) yang merupakan badan utama bagi 8 universiti di New Zealand. UNZ merupakan badan berkanun di bawah Akta Pendidikan dan Latihan 2020 di New Zealand yang bertanggungjawab dalam memastikan jaminan kualiti program akademik di semua universiti di New Zealand termasuk berkaitan pengurusan biasiswa.



MAJLIS DEKAN/PENGARAH ASASI
UNIVERSITI AWAM